

**BAB TIGA**

**MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN,**

**PULAI CHONDONG, KELANTAN**

**3.1 PENDAHULUAN**

Tradisi membaca dan menghafaz al-Quran di Malaysia telah berkembang pesat dari satu zaman ke satu zaman. Perkembangan ini menyaksikan penubuhan banyak maahad tahfiz al-Quran di seluruh negara. Maahad tahfiz al-Quran adalah salah sebuah maahad tahfiz al-Quran yang merupakan kesinambungan kepada budaya yang suci ini. Bab ini akan mengkaji tentang sejarah penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong (MTAQPC) dan beberapa perkara yang berkaitan dengan maahad ini seperti kurikulum dan lain-lain. Bab ini bertujuan untuk memperkenalkan MTAQPC yang merupakan objek kajian disertasi ini.

**3.2 PENUBUHAN MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAAT, PULAI CHONDONG (MTAQPC)**

Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong (MTAQPC) telah ditubuhkan pada tahun 1992. Ia wujud hasil daripada cadangan yang telah dibuat oleh Y.A.B Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat setelah menerajui Kelantan sebagai Menteri Besar pada tahun 1990. Yayasan Islam Kelantan (YIK) menjunjung

tinggi cadangan ini dan mengambil inisiatif untuk mengendalikan pengurusan MTAQPC.

Seramai 30 orang pelajar dipilih untuk menjadi generasi sulung pelajar MTAQPC. Pada ketika itu, mereka ditempatkan di bangunan Lembaga Peperiksaan YIK, Nilam Puri kerana kompleks MTAQPC masih lagi dalam pembinaan. Dua orang guru telah dilantik iaitu Ustaz Mohd Mansor bin Hj Daud dan Ustaz Nazaruddin bin Jalaluddin sebagai tenaga pengajar dengan dibantu oleh beberapa orang pegawai YIK.

Mereka kemudiannya beralih ke tempat baru, iaitu Kompleks MTAQPC di Pulai Chondong pada 16 Mei 1993. Kompleks MTAQPC ketika itu sudah siap binaan asasnya, dengan sebuah bangunan di atas tanah seluas empat ekar. Walaupun para pelajar terpaksa menghadapi segala kekurangan dari segi prasarana dan kemudahan, namun mereka berjaya mengikuti segala proses pembelajaran seperti mana yang diharapkan oleh kerajaan.<sup>1</sup>

MTAQPC menjalankan program imam terawih buat kali pertama pada bulan Ramadhan tahun 1413 Hijrah. Sebilangan pelajar dipilih untuk bertugas sebagai imam terawih di beberapa jajahan sekitar negeri Kelantan sebagai latihan untuk menghadapi masyarakat setempat. Program yang dijalankan ini mendapat sambutan

---

<sup>1</sup> Muhammad Ismail Nik Zulkifli (2004), "Al-Hafiz" Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan, c. 7, Kuala Lumpur : Menara Telekom, h.29.

hangat dari semua penduduk negeri Kelantan dan secara tidak langsung memperkenalkan MTAQPC di kalangan masyarakat luar Kelantan.

Antara kejayaan yang mula-mula dicapai oleh MTAQPC ialah Anugerah Sekolah YIK Terbaik SPM 1997 dan Anugerah Sekolah Terbaik YIK STU 1997. Kejayaan yang diraih ini sekaligus menjawab persoalan di kalangan masyarakat bahawa menghafaz al-Quran tidak menghalang kecemerlangan di dunia.

Kemudahan dan prasarana MTAQPC juga ditingkatkan dari semasa kesemasa. Pada tahun 1998, sudah beberapa binaan ditambahkan. Antaranya ialah bangunan pentadbiran, perpustakaan, masjid, dewan makan dan dua unit rumah guru. Kikitangan pengurusan MTAQPC juga bertambah menjadi seramai 21 orang, termasuk empat orang kakitangan sokongan.

Majlis Pelajar (MP) ditubuhkan secara rasminya pada tahun 2000. MP merupakan sebuah pertubuhan pelajar yang menjadi penaung kepada beberapa buah badan di MTAQPC seperti badan Badan Dakwah dan Kepimpinan, Badan Disiplin dan Badan Asrama. Penubuhan MP telah memantapkan lagi proses perlaksanaan aktiviti kurikulum di kalangan pelajar.<sup>2</sup>

Pada tahun 2001, bilangan kemasukan pelajar telah ditambah kepada dua kelas, iaitu seramai 52 orang. Pada tahun itu juga empat ekar tanah lagi dibeli untuk

---

<sup>2</sup> *Ibid*, h.29-30.

meluaskan lagi kawasan MTAQPC. Tanah tambahan ini walaubagaimanapun belum dibangunkan lagi kerana dana yang belum mencukupi.

Pada 18 Ogos 2003 MTAQ ditukar namanya dari Maahad Tahfiz al-Quran kepada Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat, setelah dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa MTAQ.

Sebuah lagi bangunan siap dibina sepenuhnya pada akhir tahun 2003 dan mula beroperasi pada tahun 2004. Bangunan tiga tingkat ini menjadi bangunan pembelajaran utama yang terdiri daripada sembilan buah kelas, sebuah makmal dan sebuah bilik ICT. Dengan beberapa proses pembangunan yang dilaksanakan, MTAQPC dijangka akan menerima lebih ramai lagi pelajar setiap tahun.

Pada hari ini, MTAQPC berdiri gah di mata masyarakat sebagai sebuah pusat tahfiz yang berprestij dan berperanan melahirkan generasi huffaz yang bakal menjadi pemimpin masyarakat di masa akan datang.<sup>3</sup>

MTAQPC merupakan sebuah sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang merangkumi tiga kurikulum pendidikan iaitu kurikulum tahfiz Quran dan Qiraat, Kurikulum agama YIK dan kurikulum akademik. MTAQPC mula ditubuhkan pada tahun 1992 dan menjadi antara pusat tahfiz yang terunggul di Kelantan. MTAQPC berperanan melahirkan huffaz yang dapat merealisasikan isi kandungan al-Quran dalam masyarakat dan berketrampilan dalam semua bidang.

---

<sup>3</sup> *Ibid*, h.30.

### **3.3 SISTEM PEMBELAJARAN**

Waktu pembelajaran rasmi di MTAQPC bermula pada 7.30 pagi hingga 2.30 petang yang dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi hafazan al-Quran dan sesi pembelajaran agama/akademik. Sesi pengajian tahfiz tambahan pula bermula selepas solat maghrib berjamaah hingga 9.15 malam.

Bagi hari Jumaat, Sabtu dan cuti am pula, waktu pembelajaran rasmi diganti dengan sesi hafazan al-Quran pada pukul 8.00 pagi sehingga 9.30 pagi.

### **3.4 KURIKULUM**

Buku-buku teks dan sukanan pelajaran di MTAQPC adalah mengikut sukanan sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan, sementara mata pelajaran Quran dan Qiraat adalah berdasarkan kurikulum Maahad Qiraat al-Azhar, Mesir.<sup>4</sup>

### **3.5 PELUANG MELANJUTKAN PENGAJIAN**

Antara keistimewaan MTAQPC ialah para pelajarnya berpeluang untuk menyambung pengajian ke mana-mana institusi-institusi pengajian tinggi IPTA/IPTS dalam dan luar negeri. Ini kerana mereka mempunyai:

---

<sup>4</sup> *Ibid.*

Sijil	Peluang
Ting. 4 SMU	Pondok Moden Bachok, Kelantan.
Ting. 5 SPM	IPTA/IPTS tempatan seperti UM, UIAM, UKM, UITM dll.
Ting. 6 STAM	Universiti timur tengah seperti al-Azhar, Madinah, Mekah, Jordan dll.
STTQ	Maahad Qiraat al-Azhar Shoubra, Mesir.

### **3.6 SYARAT KEMASUKAN**

MTAQPC mengambil 52 orang pelajar setiap tahun. Pelajar yang ingin memohon tingkatan satu (soff Tajwidi) di MTAQPC mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- Tamat tahun 6 SRK/SRJK atau setaraf dengannya
- Lelaki, khatam al-Quran dan boleh membacanya dengan baik.<sup>5</sup>
- Mendapat sekurang-kurangnya 4A dalam peperiksaan UPSR atau setaraf dengannya.

Borang permohonan boleh didapati di MTAQPC dan YIK selepas berakhirnya peperiksaan UPSR. Borang permohonan yang ingin diserahkan kembali hendaklah disertakan bersama:

- Salinan kad pengenalan/surat beranak
- Keputusan sebenar UPSR

---

<sup>5</sup>*Ibid*, h.31.

Borang permohonan hendaklah diserahkan kembali paling lewat dua minggu selepas keputusan UPSR diumumkan.

### **3.7 PRESTASI/PENCAPAIAN**

Sejak penubuhannya, MTAQPC telah menempa beberapa kejayaan yang membanggakan, antaranya ialah Anugerah Sekolah Terbaik YIK pada tahun 1997, 1998, 2000 dan 2003, serta Anugerah Sekolah Terbaik SMU YIK pada tahun 2000 dan 2003, serta Anugerah Sekolah Terbaik SPM YIK pada tahun 1997, 1998, 2000, 2001, 2002 dan 2003, dan kejayaan yang terbaru ialah Anugerah Sekolah Cemerlang SPM 2003 pada peringkat kebangsaan bagi kategori SAN/SMKA.

MTAQPC juga telah melahirkan lebih kurang 200 hafiz yang berdaftar.(sehingga akhir 2004).

Sehingga kini, pelajar lepasan MTAQPC yang berjaya memasuki IPTA/IPTS dalam negeri berjumlah lebih kurang 100 orang (majoritinya berada di UIAM) dan di luar negeri berjumlah lebih kurang 60 orang, majoritinya berada di Mesir.<sup>6</sup>

### **3.8 MANIFESTASI SERTA OBJEKTIF PENUBUHAN MTAQPC**

-Untuk menyediakan kemudahan mengkaji al-Quran dan mempelajari Ulum al-Quran.

---

<sup>6</sup>*Ibid.*

-Untuk menghidupkan kembali Ulum al-Quran dan memperdekatkan Ulum al-Quran kepada masyarakat.

-Untuk melahirkan ulama' yang mampu:

- i- Memahami isi kandungan al-Quran dan menjadi rujukan masyarakat.
- ii- Memelihara isi kandungan al-Quran dan keaslian bacaannya dari sebarang penyelewengan.
- iii- Dan mempunyai ilmu pengetahuan, beramal soleh, bertakwa kepada Allah SWT dan berakhlak mulia.

### **3.8.1 VISI MTAQPC**

Merealisasikan Falsafah Pendidikan Yayasan Islam Kelantan di samping melahirkan para huffaz yang berketerampilan dalam semua bidang.

### **3.8.2 MISI MTAQPC**

Melahirkan para huffaz yang mahir isi kandungan al-Quran, berilmu, beramal dan bertakwa dan efisyen tentang isi kandungan al-Quran serta dapat merealisasikan dalam masyarakat.<sup>7</sup>

---

<sup>7</sup> *Ibid*, h.6.

### **3.8.3 TENAGA PENGAJAR<sup>8</sup>**

Tenaga pengajar Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong terdiri daripada empat kategori sesuai dengan objektif penubuhannya. Kategori tersebut ialah:

- i. Guru al-Quran: Mereka terdiri daripada lepasan dalam negeri seperti Darul Quran (JAKIM) dahulunya dikenali dengan Maahad Tahfiz al-Quran Wal al-Qiraat (BAHEIS) Pusat Islam Malaysia dan juga lulusan luar negeri seperti Maahad Qiraat, Shoubra, Mesir. Mereka merupakan tunggak kepada program pendidikan tahliz di MTAQPC.
- ii. Guru al-Qiraat : Mereka terdiri daripada lulusan Maahad Qiraat, Syoubra dan Universiti al-Azhar (Cawangan Tanta) *Kulliyah al-Qur'an al-Karim li al-Qirāat wa 'ulumiha*. Mereka adalah merupakan tulang-belakang kepada proses pendidikan al-Quran dan Qiraat di MTAQPC.
- iii. Guru agama atau bahasa Arab: Mereka terdiri daripada graduan-graduan daripada universiti tempatan dan luar negeri dalam bidang agama dan bahasa Arab. Mereka amat diperlukan untuk memberi pengukuhan kepada penghafazan al-Quran dan pengajian Qiraat.
- iv. Guru akademik : Mereka merupakan pelengkap kepada proses pendidikan yang seimbang dari segi duniaawi dan ukhrawi.

---

<sup>8</sup> Bilangan tenaga pengajar di MTAQPC seramai 26 orang pada tahun 2004. *Ibid*, h.18 dan 19

### **3.8.4 PELAJAR**

Pelajar-pelajar MTAQPC adalah terdiri daripada pelajar lelaki sahaja. Mereka mestilah tamat pengajian sekolah rendah dan cukup syarat untuk memohon di *saff tamhidi* sahaja. Pengambilan mereka mestilah melalui temuduga yang ditetapkan oleh pihak YIK dan lulus dalam temuduga tersebut.

Buku-buku dan sukatan pelajaran di MTAQPC adalah mengikut sukatan sekolah-sekolah di bawah YIK sementara matapelajaran al-Quran dan Qiraat berdasarkan kurikulum Maahad Qiraat al-Azhar.

### **3.8.5 AKTIVITI-AKTIVITI<sup>9</sup>**

#### a. Program Ilmiah

- i- Seminar etika dan tanggungjawab kepimpinan
- ii-Lawatan sambil belajar
- iii-Sambutan awal Muharram (SALAM)
- iv-Tamrin sanawi
- v-Ceramah motivasi peperiksaan
- vi-Seminar pengurusan

---

<sup>9</sup> Profil Maahad Tahfiz al-Quran (Yayasan Islam kelantan), Pulai Chondong, Kelantan, Kota Bharu: Percetakan dan Perniagaan Nik Daud, h. 13.

b. Program bukan ilmiah

i-Sukan tahunan MTAQPC

ii-Perkhemahan Tahunan Briged Bakti Negeri Kelantan

iii-Kejohanan Sukan MASSAK

iv-Mukhayyam Tarbawi YIK

v-Merentas Desa Massak

vi-Pertandingan Kawad Kaki Massak

### **3.8.6 KEGIATAN PELAJAR BERSAMA MASYARAKAT**

Setiap tahun pelajar-pelajar Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong (MTAQPC) ditugaskan sebagai imam dan juga bilal sepanjang bulan Ramadan di seluruh jajahan negeri Kelantan termasuk Kuala Lumpur dan beberapa buah negeri lain.

Pelajar MTAQPC juga turut terlibat dalam solat jenazah, majlis membaca al-Quran dan tahlil yang diadakan oleh masyarakat di kawasan sekitar MTAQPC. Tidak ketinggalan juga terdapat pelajar MTAQPC yang menghadiri jemputan bagi majlis membaca al-Quran dan tahlil yang diadakan di kawasan yang berjauhan dengan MTAQPC termasuklah di negeri Kedah.

Seramai 39 orang pelajar Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat dan 9 orang guru pengiring telah menyertai Program Sambutan MaalHijrah 1426 peringkat Daerah Kuala Krai Selatan Dabong pada 10-12 Januari 2005 bersamaan 2 Muharram

1426. Di dalam program tersebut pelajar MTAQPC ditugaskan sebagai pengkuliah, imam dan bilal sepanjang tempoh tersebut yang melibatkan masyarakat setempat. Pelajar-pelajar MTAQPC turut mempersembahkan beberapa buah nasyid di samping menyertai kegiatan gotong royong yang diadakan pada hari akhir program tersebut.

Pada 10 Mac 2005 kumpulan nasyid MTAQPC telah dijemput untuk mempersembahkan beberapa buah lagu nasyid sempena pelancaran Bulan Membaca peringkat negeri Kelantan bertempat di ruang legar Pasaraya Besar KB Mall. Seorang pelajar MTAQPC turut dijemput sebagai qari sempena majlis perasmian program tersebut.

### **3.8.7 SISTEM PENGAJIAN**

Sistem pengajian di MTAQPC menggabungkan tiga kurikulum pendidikan sekaligus iaitu al-Quran & Qiraat, agama/arab dan akademik. Pengajian al-Quran dan Qiraat yang dipelajari di sini adalah sama dengan sukanan dan sistem pengajian yang dijalankan di Maahad Qiraat al-Azhar al-Syarif Shoubra, Mesir. Pengajian di MTAQPC meliputi sistem semester yang bagi setiap tahun pengajian para pelajar akan melalui dua semester, jumlah semester yang mesti dihabiskan di sini ialah sebanyak 11 semester pengajian bermula dari tahun pertama hingga tahun keenam.

Semester pertama bermula pada bulan Januari hingga akhir bulan Jun manakala semester kedua pula bermula pada bulan Julai hingga akhir bulan Disember setiap tahun. Namun pada semester terakhir pengajian bermula pada bulan Januari

hingga bulan Julai. Pada semester ini para pelajar akan didedahkan dengan proses pengajian dan pembelajaran di Maahad Qiraat al-Azhar al-Syarif, Mesir untuk membiasakan mereka tentang sistem pengajian yang diajarkan di sana.

Proses pembangunan kecemerlangan pelajar bermula pada tahun Generasi Pertama dan Generasi Kedua iaitu pada tahun 1992. Kemasukan pengambilan pelajar untuk tingkatan 1 diambil pada bulan 12 tahun 1991. Dimana proses pengambilan pelajar generasi pertama dan kedua dilakukan secara rambang. Tetapi bermula pada pengambilan generasi ke-3 sehingga seterusnya, yang mana proses pengambilan pelajar baru sekurang-kurangnya 3A keatas. Akan tetapi, bermula pada tahun 2008, syarat kemasukan pelajar hendaklah memiliki sekurang-kurangnya keputusan UPSR 4A.

Pada bulan Disember 1991, YIK mengamalkan sistem peralihan selama 1 tahun sebelum pelajar memasuki tingkatan 1. Manakala pada tahun 1994, sistem peralihan dimansuhkan oleh YIK yang manna ianya menyebabkan para pelajar terus memasuki tingkatan 1 tanpa mengikuti kelas peralihan selama 1 tahun.

Pada tahun 1995, kelas peralihan diwujudkan kembali bagi memerlukan pendedahan awal kepada para pelajar, akan tetapi ianya dimansuhkan kembali pada tahun 2004. Disebabkan pembatalan sistem peralihan ini dan pengwujudan semula sistem peralihan pada tahun tertentu, menyebabkan tiada calon pelajar yang menduduki peperiksaan pada tahun tertentu. Contohnya, SMU pada tahun 1998, SPM tahun 1999, STAM atau STTQ tahun 2000.

Pada peringkat awal pengambilan pelajar seramai 30 orang. Apabila sistem peralihan dibatalkan, kemasukan pelajar pada tahun 1994 adalah terus ke tingkatan 1. Dimana generasi 1993 yang mengikuti sistem peralihan akan berada di generasi 1994 tanpa peralihan iaitu tingkatan 1. Manakala bermula pada tahun 2000 wujud kemasukan para pelajar ketingkatan 1 sebanyak 2 kelas. Setiap kelas menempatkan seramai 26 orang pelajar. Pengambilan pelajar luar dari Kelantan adalah sebanyak 10% dan selebihnya dari Kelantan.<sup>10</sup>

### **3.8.8 SISTEM PEPERIKSAAN<sup>11</sup>**

Peperiksaan di MTAQPC diadakan sebanyak dua kali setahun pada setiap akhir semester yang dikendalikan oleh bahagian peperiksaan MTAQPC. Para pelajar juga akan menduduki peperiksaan yang ditetapkan oleh pihak Yayasan Islam Kelantan (YIK) iaitu SMTQ di tingkatan 4 dan peperiksaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu SPM di tingkatan 5. Pada tahun terakhir pengajian para pelajar akan menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Tahfiz al-Quran (STTQ) membolehkan mereka menyambung pengajian di Maahad Qiraat al-Azhar al-Syarif.

---

<sup>10</sup> Ustaz Mansur bin Yaacub, Pengetua MTAQPC dari tahun 1992 hingga 1998. Temubual pada 12 Julai 2009.

<sup>11</sup> Guru-guru yang diberikan tugas tertentu ataupun subjek tertentu, akan membuat analisa sejurus selesai peperiksaan. Ini bagi memastikan kualiti keputusan peperiksaan mencapai tahap seperti yang diinginkan oleh pihak sekolah.

### **3.8.9 MATA PELAJARAN**

Matapelajaran yang dipelajari di MTAQ Pulai Chondong adalah merangkumi matapelajaran yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak Universiti al-Azhar al-Syarif, Mesir. Taburan matapelajaran bagi setiap tahun pengajian adalah seperti berikut:

#### **TINGKATAN SATU DAN DUA:**

i-Matapelajaran al-Quran dan Qiraat:

- 1.Al-Quran al-Karim
- 2.Tajwid
3. Hifzul Mutun
- 4.Gharibul Quran/ Tafsir
- 5.Talaqqi al-Quran

ii-Matapelajaran Akademik

- 1.Bahasa Malaysia
- 2.Bahasa Inggeris
- 3.Sains
- 4.Matematik
- 5.Sejarah

iii-Matapelajaran Agama dan B.Arab

1-Qawaид Arabiah

2-B.Arab Komunikasi

3-Insya'

4-Hadis

5-Feqh

6-Tauhid

7-Sirah Nabawiyyah

8-Imla' dan Khat

### **TINGKATAN TIGA:**

i-Matapelajaran al-Quran dan Qiraat:

1.Al-Quran al-Karim

2.Amali Qiraat

3.Teori Qiraat

4.Tajwid

5. Hifzul Mutun

6.Gharibul Quran/ Tafsir

7.Talaqqi al-Quran

ii-Matapelajaran Akademik

1.Bahasa Malaysia

2.Bahasa Inggeris

3.Sains

4.Matematik

5.Sejarah

iii-Mata pelajaran Agama dan B.Arab

1-Qawaид Arabiah

2-B.Arab Komunikasi

3-Insya'

4-Hadis

5-Tafsir

6-Feqh

7-Tauhid

8-Sirah Nabawiyyah

#### **TINGKATAN EMPAT:**

i-Matapelajaran al-Quran dan Qiraat:

1. al-Quran al-Karim

2.Amali Qiraat

3.Teori Qiraat

4.Hifzul Mutun

5.Talaqqi

ii-Matapelajaran Akademik

1.Bahasa Malaysia

2.Bahasa Inggeris

3.Sains

4.Matematik

5.Sejarah

6.Ekonomi Asas

7.Prinsip akaun

iii-Matapelajaran Agama dan B.Arab

1-Qawaид Arabiah

2-B.Arab Komunikasi

3-Insya'

4-Balaghah

5-Mutala'ah

6-Hadis

7-Tafsir

8-Feqh

9-Tauhid

**TINGKATAN LIMA:**

i-Matapelajaran al-Quran dan Qiraat:

1.Al-Quran al-Karim

2.Amali Qiraat

3.Teori Qiraat

4.Hifzul Mutun

ii-Matapelajaran Akademik

1.Bahasa Malaysia

2.Bahasa Inggeris

3.Sains

4.Matematik

5.Sejarah

6.Ekonomi Asas

7.Prinsip Akaun

8. Matematik Tambahan

9.Pengajian Al-Quran al-Sunnah

10.Pengajian Syariah Islamiyyah

iii-Matapelajaran Agama dan B.Arab

- 1-Qawaид Arabiah
- 2-B.Arab Komunikasi
- 3-B.Arab Komunikasi Arab Tinggi
- 4-Insya'
- 5-Balaghah
- 6-Mutala'ah
- 7-Hadis
- 8-Tafsir
- 9-Feqh
- 10-Tauhid

**TINGKATAN ENAM BAWAH:**

- 1.Al-Quran al-Karim
- 2.Teori Qiraat
- 3.Amali Qiraat
4. Hifzul Mutun
- 5-Rasm al-Quran
- 6.Fawasil
- 7.Nahwu Sorof
- 8.Insya' Mutala'ah
- 9.Arudh dan Qafiah

- 10.Tafsir
- 11.Hadith
- 12.Feqh
- 13.Tauhid
- 14.Bahasa Inggeris

### **3.9 KAEDEAH SERTA METODE PENGHAFALAN AL-QURAN DI MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT PULAI CHONDONG, KELANTAN**

#### **3.9.1 KAEDEAH SEBELUM MENGHAFAL**

- a) Membetulkan sebutan

Di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, kaedah yang dipraktikkan sebelum para pelajar menghafal sesuatu ayat al-Quran ialah mereka perlu mendengar bacaan guru terlebih dahulu. Selepas itu giliran para pelajar pula membaca dan guru akan mendengar bacaan mereka. Pada masa inilah guru tersebut berperanan untuk membetulkan sebutan al-Quran para pelajarnya. Kalau tidak diperbetulkannya sebelum mereka menghafal, kesalahan tersebut akan terbawa sampai bila-bila.

Kaedah ini sejajar dengan cara yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika membaca al-Quran bersama Jibril a.s di bulan Ramadhan. Kaedah ini juga dikenali dengan nama kaedah "*Talaqqi*".<sup>12</sup>

b) Penggunaan mushaf yang khusus

Para hafiz al-Quran hendaklah menggunakan satu mushaf atau Rasm al-Quran sahaja untuk menghafal, kerana gambaran ayat yang mereka hafal itu Rasm tersebut termasuk kedudukan ayat yang pertama dan ayat yang terakhir dalam satu-satu muka surat itu akan terpahat di dalam fikiran mereka.<sup>13</sup>

Apabila seseorang itu menukarkan mushaf yang biasa digunakan untuk menghafal ataupun dia menghafal daripada mushaf yang berlainan kedudukan dan susunan ayat serta muka suratnya, maka sudah tentu hafalannya akan menjadi berpecah-pecah dan kucar kacir.<sup>14</sup>

Dengan demikian, seseorang yang sudah menghafal 30 juzuk al-Quran sekalipun, akan menjadi terganggu hafalannya ketika membaca mushaf al-Quran

---

<sup>12</sup> Ustaz Silmi bin Omar, Guru Kanan Tahfiz al-Quran Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong. Temubual pada 24 September 2007.

<sup>13</sup> Abū Muḥammad Jamal 'Abd al-Raḥman (1995), *al-Iqāz Li Tadhkir al-Huffaẓ Bi al-Ayat al-Mutasyabihah Fi al-Alfaẓ*, Kaherah: Dār ummu al-Qurā, h. 13.

<sup>14</sup> Abdullah al-Qari bin Hj Salleh (1995), *Cara Baru Mengajar Tajwid dan Hafalan al-Quran*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 44.

yang tidak biasa dipakai semasa proses menghafalnya. Untuk itu, elakkan dari menggunakan mushaf yang berbeza-beza.<sup>15</sup>

Para hafiz juga digalakkan supaya menggunakan mushaf yang terdapat pada setiap akhir muka surat tanda bulatan yang menunjukkan akhir ayat dan setiap muka surat tidak mengandungi ayat yang tertangguh atau bersambung ke muka surat yang lain. Biasanya di dalam satu juzuk terdapat 20 muka surat.<sup>16</sup> Tujuannya ialah untuk memudahkan para hafiz membuat anggaran atau kadar hafalan pada setiap muka surat. Mushaf inilah yang digunakan oleh para pelajar Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong .

c) Menentukan kadar hafalan

Pihak pentadbir Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong telah menentukan kadar hafalan yang wajib dihabiskan oleh setiap para pelajarnya bagi satu-satu tahun. Bagi pelajar yang berada di *Sāffūl Āwwāl* (tahun pertama), mereka perlu menghafal sekurang-kurangnya empat halaman dalam seminggu. Dengan itu, dalam setahun mereka akan wajib menghafal al-Quran sebanyak empat juzuk dan empat surah. Tetapi bagi pelajar yang mampu lebih dari 4 muka seminggu, mereka mampu mencapai tahap penghafazan 75% pada penghujung tahun. Bagi pelajar-pelajar yang gagal mencapai hafazan 75% dari kehendak peratusan sekolah. Mereka

---

<sup>15</sup> Drs. Ahsin W. al-Hafiz (1994), *Bimbingan Praktis Menghafal al-Quran*, Jawa Tengah: Bumi Aksara, h.69.

<sup>16</sup> Ustaz Ismail Masyhuri al-Hafiz, *Fadhilat Membaca dan Menghafal al-Quran serta Panduan Menghafalnya*, Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas, h. 115.

ini tidak akan dibenarkan naik ke tingkatan seterusnya. Sebagai contoh tingkatan 1 ke tingkatan 2. Para pelajar yang tidak mampu mencapai tahap hafazan sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Guru akan mengambil tindakan seperti mewujudkan kelas pengukuhan bagi membantu pelajar yang lemah dari segi penghafazan al-Quran. Alternatif yang lain akan dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi menanggani pelajar yang lemah dari segi penghafazan al-Quran. Sebagai contoh, sepanjang cuti sekolah berlangsung (7 hari) pelajar hanya dibenarkan pulang ke rumah selama 2 hari. Manakala selebihnya pelajar akan mengikuti kelas pengukuhan yang akan dipantau oleh guru kelas bagi pelajar tersebut.

Bagi pelajar *Sāffūl Thānī* (tahun kedua), mereka perlu menghabiskan hafalan sebanyak 7 juzuk (selain dari juzuk di tahun pertama) dan begitu juga bagi pelajar *Sāffūl Thālīth* (tahun ketiga), mereka perlu menambah hafalan mereka sebanyak 7 juzuk selain daripada juzuk sebelumnya. Manakala bagi pelajar tahun keempat dan kelima, mereka masing-masing perlu menghafal 6 juzuk al-Quran (selain dari juzuk yang dihafal sebelumnya).<sup>17</sup> Oleh itu, dalam masa lima tahun sahaja setiap pelajar akan dapat menghafal 30 juzuk al-Quran di dalam dada mereka.

Untuk menghabiskan kadar hafalan sebanyak 4 halaman seminggu pula, para pelajar terpaksa membuat kadar hafalan yang tertentu dalam sehari sama ada beberapa ayat atau setengah muka surat. Ini bergantung kepada kemampuan mereka

---

<sup>17</sup> Ustaz Silmi bin Omar, *op.cit.* Temubual pada 24 September 2007.

masing-masing untuk menghabiskan kadar hafalan yang telah ditetapkan dalam seminggu.<sup>18</sup>

Sistem hafazan yang diamalkan oleh MTAQ Pulai Chondong :-

i) **METODE LAMA :**

- a) Tingkatan 1 : 4 Juzuk.
- b) Tingkatan 2 : 8 Juzuk.
- c) Tingkatan 3 : 8 Juzuk.
- d) Tingkatan 4 : 6 Juzuk.

ii) **METODE TERKINI :**

- a) Tingkatan 1 : 6 Juzuk.
- b) Tingkatan 2 : 8 Juzuk.
- c) Tingkatan 3 : 8 Juzuk.
- d) Tingkatan 4 : 6 Juzuk.

Selebihnya akan disambung pada Tingkatan 5. Manakala sesi pengulangan akan dilakukan pada Tingkatan 6.

d) Membaca doa sebelum menghafal

Doa yang biasa diamalkan oleh para pelajar di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, sebelum menghafal al-Quran ialah:

---

<sup>18</sup> *Ibid.*

اللَّهُمَّ نُورِ بِكِتَابِكَ بَصَرِي وَأَشْرَحْ بِهِ صَدْرِي وَاسْتِعْمَلْ بِهِ بَدْنِي  
وَاطْلَقْ بِهِ لِسَانِي وَقُوَّةَ بِهِ جَنَانِي وَاسْرَعْ بِهِ فَهْمِي وَقُوَّةَ بِهِ عَزْمِي  
بِحَوْلِكَ وَقُوَّتِكَ فَإِنَّهُ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya:

*Ya Tuhanku, cahayakanlah pandanganku dengan Kitab-Mu, lapangkanlah dadaku dengannya, gunakanlah badanku dengannya, mudahkanlah sebutan lidahku, kuatkanlah ingatanku, segerakanlah dengannya kefahamanku dan kuatkanlah azamku dengannya. Bahawasanya tiada daya dan upaya melainkan denganMu wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.*

Biasanya doa ini aka dibaca oleh salah seorang pelajar Maahad Tahfiz yang dipilih oleh seseorang guru dan para pelajar yang lain akan mengikutinya secara beramai-ramai.

### 3.9.2 KAEDAH KETIKA MENGHAFAL

a) Menghafal di tempat yang sunyi

Seseorang yang ingin menghafal al-Quran perlulah memilih tempat yang sesuai untuk menghafal seperti masjid atau sebuah bilik khas di dalam rumah. Tempat sebegini dapat menjernihkan fikiran dari sebarang gangguan, kekacauan dan halangan-halangan seperti teriakan, permainan kanak-kanak dan perbuatan dunia.

Selain dari itu, elok juga seseorang itu membaca dan menghafal al-Quran di dalam taman yang cantik atau tempat-tempat yang menarik supaya suasana tersebut

dapat memberi ketenangan jiwa dan menyenangkan fikiran untuk menghafal al-Quran.<sup>19</sup>

Di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, pihak pentadbir telah menyediakan bilik-bilik darjah sebagai tempat untuk para pelajarnya menghafal al-Quran. Di samping itu, para pelajar juga menjadikan Masjid Maahad Tahfiz ini yang terletak bersebelahan dengan bangunan asrama sebagai tempat untuk menghafal. Kedua-dua tempat ini amat sesuai untuk tujuan tersebut, kerana kedudukannya agak jauh dari jalan raya dan kebisingannya. Oleh itu, mereka dapat memberikan penumpuan yang lebih untuk menghafal al-Quran tanpa sebarang gangguan dari luar.

b) Menghafal di masa yang tenang

Penghafalan al-Quran memerlukan ketenangan dan jauh dari kebisingan. Keadaan ini akan membantu seseorang hafiz itu memberi penumpuan yang lebih semasa menghafal. Bagi para pelajar Maahad Tahfiz ini, masa yang digunakan untuk menghafal al-Quran bergantung kepada seseorang guru dan juga kesesuaian para pelajar sendiri.

Sesetengah guru menggalakkan para pelajarnya menggunakan waktu selepas Asar untuk mengulang hafalan yang telah dihafal, selepas subuh pula untuk

---

<sup>19</sup> Dr. Shahal 'Abd Fattah al-Khalidy (1994), *Panduan bergaul dengan al-Quran*, terj. Muhammad Ichsan, Penerbitan Kintan Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, h. 63.

menghafal ayat yang baru dan mentasmi' di depan guru pada waktu pagi. Ada juga guru yang menganjurkan supaya masa selepas subuh sehingga pukul 7.15 pagi digunakan untuk menghafal.<sup>20</sup>

Bagi penghafal al-Quran yang memberi sepenuh masa untuk tujuan ini sepetimana pelajar Maahad Tahfiz ini, mereka tidak mempunyai sebarang masalah yang berkaitan dengan masa untuk menghafal. Ini kerana seluruh masa mereka adalah digunakan semata-mata untuk menghafal. Namun bagi mereka yang menghafal al-Quran di samping kegiatan yang lain, mereka terpaksa mencari masa yang sesuai dan harus pandai memanfaatkan ruang yang kosong untuk menghafal dan mentakrir. Antara masa yang tenang dan sesuai untuk menghafal ialah:

1. Waktu sebelum terbit fajar
2. Selepas fajar sehingga terbit matahari
3. Setelah bangun dari tidur di siang hari
4. Selepas sembahyang
5. Di antara maghrib dan Isyak<sup>21</sup>

Masa-masa ini dipilih kerana ia amat sesuai untuk menghafal. Tambahan pula, pada masa tersebut seseorang itu mempunyai kecerdasan dan ketenangan terutama selepas bangun dari tidur dan selepas menunaikan sembahyang.

---

<sup>20</sup> Ustaz Silmi bin Omar,*op.cit.* Temubual pada 24 Sepember 2007.

<sup>21</sup> Drs. Ahsin W. al-Hafiz (1994), *op.cit*, h. 58-59.

c) Dibaca dan didengar kepada orang lain

Semasa dalam proses menghafal, para pelajar MTAQPC dikehendaki membaca hafalan mereka didepan guru. Biasanya sebelum berhadapan dengan guru, pelajar-pelajar akan membaca hafalan mereka dengan kawan-kawan mereka terlebih dahulu untuk memastikan tidak berlakunya kesalahan samada dari sebutan huruf, hukum tajwid dan sifat hurufnya. Sekiranya para pelajar tidak berbuat demikian, mereka tidak dapat mengesan kesalahan yang terdapat dalam bacaan mereka.<sup>22</sup>

### **3.9.3 KAEDAH SELEPAS MENGHAFAL**

a) Solat 4 rakaat pada malam Jumaat setiap minggu

Selepas menghafal al-Quran, setiap pelajar digalakkan supaya melazimkan solat sunat hifzi pada setiap malam Jumaat. Amalan ini sangat penting untuk menguatkan dan mengekalkan ingatan mereka. Seelok-eloknya solat ini hendaklah dilakukan pada pertengahan atau di awal malam.

Cara-caranya ialah ia hendaklah dikerjakan sebanyak 4 rakaat (dua salam), dibaca selepas al-Fatihah pada rakaat pertama surah Yasin, surah al-Dukhan pada rakaat kedua, Surah al-Sajadah pada rakaat ketiga dan surah al-Mulk pada rakaat keempat. Setelah itu hendaklah memuji dan berzikir kepada Allah sebanyak-banyaknya, berselawat ke atas Nabi SAW dan ke atas seluruh Anbiya a.s serta

---

<sup>22</sup> Ustaz Silmi bin Omar, *op.cit.* Temubual pada 24 September 2007.

memohon keampunan untuk seluruh orang yang beriman dan orang Islam yang telah meninggal dunia. Kemudian bacalah doa berikut:

اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي بِتَرَكِ الْمَعَاصِي أَبَدًا مَا أَبْقَيْتَنِي وَارْحَمْنِي أَنْ أَتَكَلَّفَ  
مَا لَا يَعْلَمُنِي وَارْزُقْنِي حُسْنَ النَّظرِ فِيمَا يُضِيقُكَ عَنِّ اللَّهِمَّ بَدِيعَ  
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ وَالْعِزَّةِ الَّتِي لَا تُرْمُ أَسْأَلُكَ  
يَا اللَّهُ يَارَحْمَنُ بِجَلَالِكَ وَنُورِ وَجْهِكَ أَنْ تُلْزِمَ قَلْبِي حِفْظَ كِتَابِكَ  
كَمَا عَلَمْتَنِي وَارْزُقْنِي أَنْ أَتُلْوِهُ عَلَى النَّحْوِ الَّذِي يُرْضِيكَ عَنِّ اللَّهِمَّ  
بَدِيعَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ وَالْعِزَّةِ الَّتِي لَا تُرْمُ  
أَسْأَلُكَ يَا اللَّهُ يَارَحْمَنُ بِجَلَالِكَ وَنُورِ وَجْهِكَ أَنْ تُنَورَ بِكِتَابِكَ  
بَصَرِّي وَأَنْ تُطْلِقَ بِهِ لِسَانِي وَأَنْ تُفَرِّجَ بِهِ عَنْ قَلْبِي وَأَنْ تَشْرَحَ بِهِ  
صَدْرِي وَأَنْ تَعْسُلَ بِهِ بَدَنِي فَإِنَّهُ لَا يُعْنِي عَلَى الْحَقِّ غَيْرِكَ وَلَا  
يُؤْتِيهِ إِلَّا أَنْتَ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

Maksudnya:

"Ya Allah limpahkanlah rahmatMu keatasku supaya daku dapat terhindar dari perbuatan dosa selama mana daku hidup, kasihanilah daku agar terelak dari perlumbaan yang sia-sia, kurniakanlah kepada daku pandangan yang baik terhadap perkara yang engkau redai. Ya Allah Tuhan Pencipta langit dan bumi, Empunya Kegemilangan dan Kemuliaan yang tidak dapat dibayangkan. Ya Allah yang Maha Pemurah daku memohon dengan namaMu yang Maha Agung lagi Maha Mulia, juga Nur wajahMu agar meneguhkan hatiku dalam menghafal kitabMu sebagaimana yang telah Engkau ajarkan kepadaku, anugerahilah daku pembacaan dengan cara yang Engkau sukai. Ya Allah, pencipta langit dan bumi, Tuhan Empunya Kemegahan dan Kemuliaan dan kehebatan yang tidak dapat dibayangkan, Ya Allah Tuhan yang Maha Pemurah, daku bermohon dengan kemegahanMu dan cahaya wajahMu agar menyinari pandanganku dengan Nur kitabMu, mengurniakan lidahku dengan kefasihan membacanya, melalui rahmatMu buangkanlah kedunguan

*hatiku serta lapangkanlah dadaku, dan bersihkanlah (dosa-dosa) dari badanku, sesungguhnya tiada yang dapat menolongku dalam menegakkan kebenaran melainkanMu. Juga tiada yang dapat memenuhkan kehendakku melainkanMu. Tiada daya dan upaya makhluk melainkan dengan pertolonganMu yang Maha Tinggi dan Maha Besar.*<sup>23</sup>

Bagi para pelajar di MTAQPC, mereka mengerjakan solat hifzi ini setiap minggu secara berjemaah di masjid yang berdekatan dengan asrama mereka. Biasanya salah seorang daripada mereka akan dipilih untuk memimpin solat tersebut.

b) Tahajjud di tengah malam

Waktu malam bagi seorang hafiz amat berlainan dengan malam orang yang bukan hafiz. Waktu tengah malam merupakan saat yang paling sesuai untuk mereka membaca dan mengulangi hafalan al-Quran. Tugas mereka yang paling utama ialah mentakrir hafalan dalam sembahyang tahajjud, kerana seseorang yang sentiasa melancarkan hafalan mereka dalam sembahyang tahajjud akan mempunyai ingatan yang kuat.

Imam Nawawi pernah berkata: "Solat dan membaca al-Quran di waktu malam sangat digalakkan, kerana pada waktu itu hati berada di dalam keadaan teguh, jauh dari kesibukan hal-hal yang melalaikan serta tidak menuruti bermacam-macam keinginan, lebih selamat dari riak dan hal-hal yang boleh merosakkan amal, di

---

<sup>23</sup> Abī 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Surah (1975), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ wa Huwa Sunan al-Tirmidhi*, j. 5, Mesir: Syarkah Maktabah wa Maṭba'ah, no hadith 3570, h. 563.

samping kebaikan-kebaikan yang lain yang dibawa oleh syariat pada waktu malam hari." <sup>24</sup>

Sabda Rasulullah SAW:

شَرَفُ الْمُؤْمِنِ قِيَامُ اللَّيْلِ

Maksudnya:

"Kemuliaan seseorang Mukmin itu terletak pada Qiamullail"<sup>25</sup>

Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar di Maahad Tahfiz ini tidak diberatkan untuk melakukannya secara berjemaah, tetapi mereka digalakkan melakukannya secara bersendirian bergantung kepada kemampuan diri mereka masing-masing.

c) Solat Subuh di awal waktu

Melazimkan solat Subuh di awal waktu yang diamalkan oleh para pelajar di Maahad Tahfiz ini, bukanlah merupakan suatu kaedah dalam proses menghafal al-Quran. Amalan ini cuma sebagai satu disiplin bagi seorang untuk bangun seawal yang mungkin.

Kalau mereka dapat solat subuh di awal waktu, membuktikan mereka bangun awal dan sempat mengulang hafalan mereka dalam solat tahajjud. Dengan ini, mereka telah menunjukkan komitmen dan sikap disiplin mereka dalam menghafal al-Quran.<sup>26</sup>

<sup>24</sup> Abdurrahman bin Abdul Khalik (1994), *Kaedah Menghafal al-Quran*, Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd., h. 44.

<sup>25</sup> Al-Ḥāfiẓ Abī Qāsim Sulāyman bin Aḥmad al-Ṭabrānī (1968), *al-Mu'jam al-Ṣaghīr*, Mesir:Dār al-Ilm, j. 1, h. 172.

d) Melazimkan bacaan Surah al-Insyirah

Melazimkan bacaan Surah al-Insyirah dan surah-surah yang lain bukanlah merupakan suatu kemestian bagi setiap hafiz, kerana ia hanyalah merupakan pengalaman guru-guru di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong sendiri semasa mereka belajar di Mesir dan di Pusat Islam.

Amalan seumpama ini juga merupakan nukilan dari kata-kata ulamak-ulamak terdahulu terhadap kelebihan surah ini, kerana di dalamnya terdapat ayat yang dapat mencerahkan hati dan memudahkan seseorang itu untuk menghafal sesuatu iaitu ayat

إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

e) Melazimkan membaca surah al-A'la selepas solat sunat subuh

Amalan ini juga merupakan salah satu dari amalan-amalan yang biasa diamalkan oleh pelajar Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong untuk menguatkan ingatan mereka dan mengelakkan dari lupa. Surah ini hendaklah dibaca setiap hari selepas sembahyang sunat subuh dan apabila sampai ke ayat yang keenam iaitu سُقْرُئُكَ فَلَا تَنْسَى maka ia hendaklah diulang sebanyak 10 kali. Seelok-eloknya bacaan surah ini dijadikan amalan harian di samping amalan-amalan yang lain.

---

<sup>26</sup> Temubual, *op.cit.*

Kalau dilihat dari segi sebab nuzul, ayat ini diturunkan oleh Allah sebagai teguran terhadap Rasulullah SAW yang tergesa-gesa untuk mengikuti bacaan al-Quran yang dibaca oleh Jibril a.s sebelum Jibril a.s sempat menghabiskannya. Baginda SAW berbuat demikian, kerana takut terlupa ayat al-Quran yang telah dibacakan oleh Jibril a.s. Ertinya dalam hal penghafalan al-Quran, Rasulullah SAW juga tidak terlepas dari masalah lupa sebagaimana firman Allah di dalam kitabNya:

وَادْكُرْ رَبَّكَ إِذَا نَسِيْتُ<sup>27</sup> dan begitu juga hadith yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a:

"أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَمِعَ رَجُلًا يَقْرَأُ مِنَ الْلَّيْلِ فَقَالَ:  
يَرْحَمْهُ اللَّهُ لَقَدْ أَذْكُرْنِي كَذَا وَكَذَا آيَةً كُنْتَ أَسْقَطْتُهَا مِنْ سُورَةٍ  
كَذَا وَ كَذَا"

Maksudnya:

"Sesungguhnya Rasulullah SAW mendengar seorang lelaki membaca al-Quran di suatu malam lalu Baginda bersabda: Semoga Allah merahmatimu, sesungguhnya kamu telah mengingatkan aku ayat sekian yang aku terlupa dari surah sekian".<sup>28</sup>

Imam Bukhari telah membawa satu hadith yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW juga tidak terkecuali dari sifat lupa iaitu:

"وَإِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ أَنْسَى كَمَا تَنْسُونَ فَإِذَا نَسِيْتُ فَأَذْكُرُونِي"

<sup>27</sup> 'Abd al-Ḥamid bin Muḥammad Nada Ja'rabah (1996), *Madkhal Ila Tafsir*, Kaherah: Maktabah al-Jahra', h.14.

<sup>28</sup> Al-Imām Abī Zakaria Yaḥya bin Syarf al-Nawāwī (1995), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarh al-Imām al-Nawawī*, j.6, t.t.p: Dār al-Fikr, no. Hadith 788, h.62.

Maksudnya:

"Sesungguhnya aku adalah seorang manusia, aku lupa sepermula kamu lupa. Oleh itu, apabila aku lupa, maka hendaklah kamu mengingatkan aku".<sup>29</sup>

Walau bagaimanapun mengikut pandangan ulama sebagai mana yang dinukilkan oleh al-Qurtubi dalam Tafsir beliau, mereka mengatakan "Jika diizinkan oleh Allah, Rasulullah SAW akan melupai apa yang telah dihafal, tetapi selepas diturunkan ayat ini, Baginda SAW tidak lagi melupai sesuatu yang telah dibaca dan dihafal"<sup>30</sup>

Atas sebab inilah, para pelajar di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong digalakkan supaya menjadikan ayat ini sebagai salah satu dari amalan harian mereka untuk menguatkan ingatan mereka.

Sebagai tambahan, penyelidik ingin mengemukakan satu amalan yang telah diajar oleh Rasulullah SAW untuk menguatkan ingatan para hafiz:

مَنْ قَرَأَ عَشَرَ آيَاتٍ مِّنَ الْبَقَرَةِ عِنْدَ مَنَامِهِ لَمْ يَنْسَ الْقُرْآنَ : أَرْبَعَ آيَاتٍ مِّنْ أَوَّلِهَا وَآيَةُ الْكُرْسِيِّ وَآيَاتٍ بَعْدَهَا وَثَلَاثٌ مِّنْ آخِرِهَا

Maksudnya:

"Sesiapa membaca sepuluh ayat dari surah al-Baqarah, dia tidak akan lupa al-Quran, iaitu: empat ayat dari awal surah al-Baqarah, ayat al-Kursi, dua ayat selepasnya dan tiga ayat di akhir surah al-Baqarah."<sup>31</sup>

<sup>29</sup> Al-Hafiz 'Abd 'Abdillah Muhammad bin Yazid al-Qazwiny Ibn Majah (t.t), *Sunan Ibn Majah*, Dar al-Fikr, j.1, no hadith 1211, h. 382.

<sup>30</sup> Abu 'Abd Allah Muhammed bin Aḥmad al-Anṣari Al-Qurtubi, (1993), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, j.20, t.t.p:Dār al-Fikr, h. 17.

<sup>31</sup> Al-Imām Abī Muhammed 'Abd Allah Bahram al-Dārimī (t.t), *Sunan al-Dārimī*, j. 2, t.t.p:Dār al-Fikr, h.449.

f) Doa selepas menghafal

Doa yang diamalkan oleh pelajar Maahad Tahfiz al-Quran Pulai Chondong selepas menghafal ialah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَوْدِعُكَ مَا عَلَّمْتَنِي فَرَدَدَهُ إِلَى وَقْتٍ حَاجَتِي إِلَيْهِ فَلَا  
تَنْسِيهُ وَصَلِّ اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينِ

Maksudnya:

" Ya Allah, aku mempertaruhkan kepadaMu apa yang telah Engkau ajarkan kepadaku, maka kembalikanlah ia kepadaku ketika Ku berhajat kepadanya. Maka janganlah Engkau melupakanya daripadaku, semoga Allah memberi Rahmat atas penghulu kami Nabi Muhammad SAW, atas keluarganya dan seluruh sahabatnya.

### 3.10 KESIMPULAN

Kewujudan Maahad-maahad Tahfiz al-Quran (MTAQPC) yang terdapat di seluruh Malaysia merupakan salah satu daripada institusi-institusi pendidikan yang telah memberikan sumbangan yang besar di dalam bidang pendidikan khususnya di Malaysia. Ini dikenal pasti menerusi kajian serta penelitian yang dilakukan terhadap kebanyakan sekolah-sekolah atau institusi-institusi pengajian yang mana terbukti menghasilkan para pelajar yang cemerlang dan pintar, Namun bukan mudah untuk menghasilkan para pelajar yang cemerlang dalam pendidikan disamping mempunyai nilai sahsiah yang terpuji. Nilai sahsiah yang mulia sebenarnya terbentuk melalui

didikan ibu bapa yang baik dari sudut penghayatan terhadap al-Quran dan agama, pergaulan dengan rakan sebaya, didikan daripada guru-guru serta suasana persekitaran pembelajaran yang aman dan harmoni.

Penghasilan para pelajar yang cemerlang serta sahsiah mulia, mampu mengangkat nama dan martabat sesebuah institusi pendidikan. Sesungguhnya Maahad Tahfiz al-Quran Wal al-Qiraat Pulai Chondong, Kelantan adalah sebuah contoh MTAQPC yang kompeten serta terbukti mampu menghasilkan generasi yang bertakwa pada masa akan datang.